

Bukit Malawati ditutup sementara akibat tanah runtuh.



Anggota bomba dan MPKS membersihkan lokasi runtuhan tanah itu di Bukit Malawati di sini pada Jumaat.

KUALA SELANGOR - Pusat pelancongan, Bukit Malawati di sini, ditutup sementara selepas berlaku runtuhan tanah di tebing laluan kawasan itu pada Jumaat.

Kejadian kira-kira jam 10 pagi itu turut mengakibatkan pokok tumbang dan menutupi laluan tersebut.

“Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Norazam Khamis berkata, bagaimanapun tiada mangsa atau kemalangan jiwa dilaporkan berlaku di kawasan runtuhan.”

"Seramai 32 anggota dan pegawai dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kuala Selangor dikeharkan ke lokasi kejadian selepas menerima panggilan kecemasan jam 10.20 pagi," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Norazam berkata, hasil pemeriksaan mendapati runtuhan tanah itu melibatkan tebing salah satu laluan di Bukit Malawati. Ujar beliau, kawasan runtuhan itu tidak melibatkan jalan utama dan pihak Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) sedang memotong pokok tumbang.

"Seramai 32 anggota dan pegawai dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kuala Selangor dikeharkan ke lokasi kejadian selepas menerima panggilan kecemasan jam 10.20 pagi," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Norazam berkata, hasil pemeriksaan mendapati runtuhan tanah itu melibatkan tebing salah satu laluan di Bukit Malawati.Ujar beliau, kawasan runtuhan itu tidak melibatkan jalan utama dan pihak Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) sedang memotong pokok tumbang.

Sehingga kini, katanya, pihaknya sedang membersihkan lokasi runtuhan dan memastikan keselamatan kawasan berkenaan.Jelas beliau, selain MPKS, operasi itu disertai polis, Angkatan Pertahanan Awam (APM) dan Jabatan Kerja Raya (JKR)."Pemantauan lanjut turut akan dilakukan di sekitar kawasan pelancongan tersebut," ujarnya.

-Sinar Harian

oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

25 November 2022 12:09pm